

**NO. SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 23.3.2017 (KHAMIS)**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bagaimana Kementerian menangani masalah penjualan barang tiruan melalui online ataupun internet memandangkan perniagaan di atas talian ini semakin mendapat sambutan masyarakat dan pengguna.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian sentiasa bergiat membanteras penjualan barang tiruan termasuk yang dijual secara atas talian (*online*). **Akta Perdagangan Elektronik 2006** telah diperkenalkan untuk memberikan pengiktirafan undang-undang bagi urusniaga perdagangan elektronik serta mewujudkan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.**

Pihak Kementerian turut melaksanakan **langkah kawalan terhadap laman perniagaan atas talian** seperti berikut;

- (a) Pemantauan atas talian ke atas laman sesawang dan media sosial yang bermotifkan perniagaan untuk memastikan ia mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian ini;
- (b) Menjalankan perisikan dan pemeriksaan ke atas perniagaan yang menjual barang tiruan berdasarkan aduan daripada pemilik cap dagang berdaftar atau orang awam;
- (c) Menjalankan **naziran** terhadap syarikat-syarikat pengendali tapak pasar dalam talian (*online marketplace operator*) dan **bekerjasama dengan online marketplace operator** untuk:
  - i. meletakkan **Notis Amaran** di dalam tapak pasar mereka supaya pengguna berhati-hati; dan
  - ii. **menyenarai hitam mana - mana peniaga** yang pernah disabitkan dengan kesalahan penjualan barang tiruan;

- (d) **Bekerjasama** dengan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (**SKMM**) **menutup laman** web yang melanggar undang-undang dengan menggunakan peruntukan Seksyen 263 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- (e) **Bekerjasama** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) untuk **membatal** atau menggulungkan perniagaan yang terlibat dengan kesalahan penjualan barang tiruan; dan
- (f) Menggalakkan penggunaan logo ***Malaysia Trustmark*** pada semua laman web yang menjalankan transaksi perniagaan bagi meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli di laman web yang mempunyai logo tersebut.